



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PEMBERITAHUAN PERTUKARAN TEMPOH
PERAKAUNAN SYARIKAT /
BADAN AMANAH / KOPERASI**

KETETAPAN UMUM NO. 7/2011

TARIKH KELUARAN: 23 OGOS 2011



**PEMBERITAHUAN
PERTUKARAN TEMPOH PERAKAUNAN
SYARIKAT / BADAN AMANAH / KOPERASI**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2011
Tarikh keluaran: 23 Ogos 2011**

KANDUNGAN

Muka Surat

1. Pendahuluan	1
2. Peruntukan Berkaitan	1
3. Anggaran Cukai	1
4. Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan	2
5. Kenaikan Di Bawah Skim Ansuran	15
6. Tarikh Kuat Kuasa	17

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Ketetapan ini menerangkan prosedur memaklumkan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mengenai pertukaran tempoh perakaunan oleh syarikat, badan amanah atau koperasi.
2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah seksyen 107C ACP 1967.

3. **Anggaran Cukai**

3.1 Menentukan Anggaran Cukai

- 3.1.1. Syarikat, badan amanah atau koperasi hendaklah membuat anggaran cukai yang kena dibayar bagi sesuatu tahun taksiran tidak kurang daripada 85% anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai jika tiada pindaan anggaran cukai bagi tahun taksiran sebelumnya.
- 3.1.2 Syarikat, badan amanah atau koperasi yang baru memulakan operasi boleh menentukan anggaran cukai bagi tahun taksiran pertama mengikut anggaran keuntungan syarikat. Anggaran cukai pada tahun taksiran pertama tersebut akan menjadi asas untuk menentukan anggaran cukai tahun taksiran berikutnya.

Contoh 1:

Syarikat Annas Sdn Bhd mengemukakan anggaran cukai tahun taksiran 2011 sebanyak RM50,000. Pada bulan ke 6 tempoh asas syarikat telah meminda anggaran cukai kepada RM100,000.

Oleh itu bagi tahun taksiran 2012, Annas Sdn Bhd hendaklah mengemukakan anggaran cukai sekurang-kurang RM85,000 (85% daripada pindaan anggaran pada tahun taksiran 2011).

3.2 Mengemukakan Anggaran Cukai

Syarikat, badan amanah atau koperasi yang telah beroperasi (sedia ada) hendaklah mengemukakan anggaran cukai tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran. Bagi yang baru memulakan perniagaan, anggaran cukai kena dibayar hendaklah dikemukakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh permulaan perniagaan syarikat, badan amanah atau koperasi .

3.3 Membuat Pindaan Anggaran Cukai

Syarikat, badan amanah atau koperasi boleh membuat pindaan anggaran cukai pada bulan ke 6 atau ke 9 atau kedua-duanya dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran. Pindaan anggaran cukai ini boleh dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia (KPHDNM) dengan menggunakan borang CP204A.

- 3.4. Di bawah subseksyen 107C(8) ACP 1967, KPHDNM boleh pada bila-bila masa mengarahkan mana-mana syarikat, badan amanah atau koperasi membuat bayaran ke atas anggaran cukai kena dibayar bagi suatu tahun taksiran. Antara keadaan di mana KPHDNM boleh mengeluarkan anggaran cukai kena dibayar ialah:
- a) Syarikat, badan amanah atau koperasi gagal mengemukakan anggaran cukai (CP204) dalam tempoh ditetapkan iaitu 30 hari sebelum bermula tempoh asas sesuatu tahun taksiran;
 - b) Syarikat, badan amanah atau koperasi mengemukakan anggaran cukai rendah daripada 85% anggaran cukai dipinda, atau anggaran cukai jika tiada pindaan anggaran cukai, bagi tahun taksiran sebelumnya.
 - c) Syarikat, badan amanah atau koperasi memaklumkan pertukaran tempoh perakaunan syarikat pada mana-mana bulan selain bulan ke 6 atau ke 9 tempoh asas serta mengemukakan pindaan anggaran cukai kena dibayar bagi tahun taksiran yang terlibat.
- 3.5 Sekiranya KPHDNM mengeluarkan anggaran cukai kena dibayar oleh syarikat, koperasi atau badan amanah sebelum bulan ke 9 tempoh asas untuk suatu tahun taksiran jumlah ansuran tersebut akan disifatkan sebagai anggaran cukai yang kena dibayar oleh syarikat, koperasi atau badan amanah untuk tahun taksiran berkenaan. Syarikat, badan amanah atau koperasi boleh mengemukakan pindaan anggaran pada bulan ke 6 atau ke 9 atau kedua-duanya dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran dan membuat pelarasan amaun ansuran akan dibayar mengikut baki ansuran yang tinggal.
- 3.6 Sebelum tahun taksiran 2012 anggaran cukai di bawah subseksyen 107C(8) ACP 1967 tidak dikenakan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967. Mulai tahun taksiran 2012, amaun anggaran cukai arahan KPHDNM ini adalah dianggap sebagai pindaan anggaran cukai yang boleh digunakan untuk menentukan kenaikan di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967. Amaun kenaikan akan dikenakan sekiranya perbezaan di antara cukai sebenar dan anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai (jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan) melebihi 30% dari cukai kena dibayar.

4. Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan

- 4.1 Pertukaran tempoh perakaunan sesuatu syarikat, koperasi atau badan amanah akan mengakibatkan tempoh asasnya berubah. Oleh itu syarikat, badan amanah atau koperasi hendaklah memaklumkan KPHDNM mengenai pertukaran tempoh perakaunannya dengan mengemukakan borang CP204B;
- (a) satu bulan sebelum tarikh permulaan tempoh perakaunan yang baru jika tempoh perakaunan dipendekkan.

- (b) satu bulan sebelum tarikh akhir tempoh perakaunan asal jika tempoh perakaunan dipanjangkan.

Jika gagal berbuat demikian, syarikat, badan amanah atau koperasi dikehendaki mengemukakan anggaran (CP204) tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas yang baru.

- 4.2 Jika sekiranya syarikat, koperasi atau badan amanah memaklumkan pertukaran tempoh perakaunan dan pindaan anggaran cukai (jika ada):

- (a) dalam pindaan bulan ke 6 atau ke 9 tempoh asas, borang CP204A dan CP204B hendaklah dikemukakan;

- (b) selain daripada bulan ke 6 atau ke 9 tempoh asas, borang CP204B sahaja hendaklah dikemukakan dan KPHDNM akan mengarahkan amaun ansuran yang perlu dibayar melalui Notis Bayaran Ansuran (CP205). Syarikat, badan amanah atau koperasi perlu memberikan alasan sekiranya:

- (i) anggaran pindaan baru adalah kurang daripada anggaran dipinda atau anggaran asal (jika tiada anggaran dipinda dikemukakan); dan
- (ii) amaun ansuran bagi tempoh asas baru kurang daripada amaun ansuran dipinda atau ansuran asal (jika tiada pindaan ansuran).

- 4.3 Pertukaran tempoh perakaunan akan menyebabkan berlakunya salah satu daripada keadaan berikut:

4.3.1 Tempoh Perakaunan Dipendekkan

- (a) Sekiranya pertukaran tempoh perakaunan diberitahu selain daripada bulan ke 6 atau ke 9 tempoh asas tetapi dalam tempoh asas baru, amaun pindaan boleh diterima dengan syarat:

- (i) amaun anggaran pindaan baru lebih tinggi daripada anggaran dipinda atau anggaran asal (jika tiada anggaran dipinda dikemukakan); dan
- (ii) ansuran bulanan baru lebih tinggi daripada ansuran bulanan dipinda atau ansuran asal (jika tiada pindaan ansuran)

Amaun ansuran bulanan adalah perbezaan di antara anggaran pindaan baru dan anggaran dipinda/asal dibahagi dengan baki bilangan ansuran dalam tempoh asas yang dipendekkan.

- (b) Sekiranya pertukaran tempoh perakaunan diberitahu selepas tempoh asas baru berakhir amaun pindaan anggaran cukai tidak boleh diterima. Amaun ansuran bulanan asal perlu diteruskan

sehingga tarikh pemakluman pertukaran tempoh perakaunan melalui Borang CP204B diterima oleh KPHDNM.

Contoh 2:

Syarikat menukar tarikh penutupan akaun daripada 30 September kepada 30 Jun. Borang CP204B menyatakan tempoh perakaunan baru bagi tahun taksiran 2012 dipendekkan iaitu 1.10.2011 hingga 30.6.2012. Anggaran cukai asal bagi tahun taksiran 2012 adalah RM12,000 dan anggaran pindaan adalah RM8,000. Borang CP204A dan CP204B diterima pada 30.3.2012 iaitu pada bulan ke 6 tempoh asas.

	Tempoh Asas	Tahun Taksiran
Asal Tutup akaun 30 September	1.10.2011 – 30.9.2012	2012
Pindaan Tutup akaun 30 Jun	1.10.2011 – 30.6.2012 1.7.2012 – 30.6.2013	2012 2013

Jadual bayaran tahun taksiran 2012 yang dipinda adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2012

<i>Ansuran</i>	<i>Tarikh Kena Dibayar</i>	<i>Amaun Asal (RM)</i>	<i>Amaun Pindaan (RM)</i>
1	10.11.2011	1,000	1,000
2	10.12.2011	1,000	1,000
3	10.1.2012	1,000	1,000
4	10.2.2012	1,000	1,000
5	10.3.2012	1,000	1,000
6	10.4.2012	1,000	750
7	10.5.2012	1,000	750
8	10.6.2012	1,000	750
9	10.7.2012	1,000	750
10	10.8.2012	1,000	
11	10.9.2012	1,000	

12	10.10.2012	1,000	
Jumlah		12,000	8,000

Syarikat perlu membuat bayaran sebanyak RM750 sebulan bagi baki bulan yang tinggal iaitu dari bulan April 2012 hingga Julai 2012.

Contoh 3:

Fakta adalah sama seperti contoh 2 kecuali borang CP 204B diterima pada 1.5.2012. Tiada borang CP204A perlu dikemukakan kerana syarikat memaklumkan KPHDNM selain daripada bulan ke 6 atau ke 9 tempoh asas. Syarikat tidak memberi alasan mengapa anggaran kurang dari anggaran asal.

Jadual bayaran tahun taksiran 2012 yang dipinda adalah seperti berikut:

Tahun taksiran 2012

<i>Ansuran</i>	<i>Tarikh Kena Dibayar</i>	<i>Amaun Asal (RM)</i>	<i>Amaun Pindaan (RM)</i>
1	10.11.2011	1,000	1,000
2	10.12.2011	1,000	1,000
3	10.1.2012	1,000	1,000
4	10.2. 2012	1,000	1,000
5	10.3. 2012	1,000	1,000
6	10.4. 2012	1,000	1,000
7	10.5. 2012	1,000	1,000
8	10.6. 2012	1,000	1000
9	10.7. 2012	1,000	1000
10	10.8. 2012	1,000	
11	10.9. 2012	1,000	
12	10.10. 2012	1,000	
Jumlah		12,000	9,000

CP205 akan dikeluarkan mengarahkan syarikat memberhentikan bayaran sehingga ansuran terakhir tempoh asas yang baru bagi tahun 2012.

Contoh 4:

Syarikat menukar tarikh penutupan akaun daripada 31 Disember kepada 30 Jun. Borang CP204B menyatakan tempoh perakaunan baru 2012 dipendekkan iaitu 1.1.2012 hingga 30.6.2012 dan diterima pada 30.11.2012. Anggaran cukai asal bagi tahun taksiran 2012 adalah RM12,000 dan anggaran cukai pindaan adalah RM20,000. Borang CP204 bagi tahun taksiran 2013 dengan anggaran cukai RM6,000 telah dikemukakan pada tarikh yang sama dengan CP204B (Andaian: Surat rayuan tahun taksiran 2013 telah dikemukakan dan diluluskan).

	Tempoh Asas	Tahun Taksiran
Asal Tutup akaun 31 Disember	1.1.2012 – 31.12.2012	2012
Pindaan Tutup akaun 30 Jun	1.1.2012 – 31.12.2012 1.7.2012 – 30.6.2013	2012 2013

Jadual bayaran tahun taksiran 2012 yang dipinda adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2012

<i>Ansuran</i>	<i>Tarikh Kena Dibayar</i>	<i>Amaun Asal (RM)</i>	<i>Amaun Pindaan (RM)</i>
1	10.2.2012	1,000	1,000
2	10.3.2012	1,000	1,000
3	10.4.2012	1,000	1,000
4	10.5.2012	1,000	1,000
5	10.6.2012	1,000	1,000
6	10.7.2012	1,000	1,000
7	10.8.2012	1,000	1,000
8	10.9.2012	1,000	1,000
9	10.10.2012	1,000	1,000
10	10.11.2012	1,000	1,000
11	10.12.2012	1,000	5,000
12	10.1.2013	1,000	5,000

<i>Jumlah</i>	12,000	20,000
---------------	--------	--------

Syarikat perlu membuat bayaran sebanyak RM5,000 sebulan bagi bulan Disember 2012 dan Januari 2013.

Jadual bayaran bagi tahun taksiran 2013 adalah dipinda seperti berikut:

Tahun Taksiran 2013

<i>Ansuran</i>	<i>Tarikh Kena Dibayar</i>	<i>Amaun Asal (RM)</i>	<i>Amaun Pindaan (RM)</i>
1	10.8.2012	1,000	0
2	10.9.2012	1,000	0
3	10.10.2012	1,000	0
4	10.11.2012	1,000	0
5	10.12.2012	1,000	750
6	10.1.2013	1,000	750
7	10.2.2013	1,000	750
8	10.3.2013	1,000	750
9	10.4.2013	1,000	750
10	10.5.2013	1,000	750
11	10.6.2013	1,000	750
12	10.7.2013	1,000	750
<i>Jumlah</i>		12,000	6,000

Syarikat perlu membuat bayaran sebanyak RM750 sebulan iaitu dari bulan Disember 2012 hingga Julai 2013.

Contoh 5:

Fakta adalah sama seperti di contoh 4 kecuali borang CP 204B diterima pada 30.9.2012 bersama CP204A. (Pindaan dibuat dalam bulan ke 9 tempoh asas).

Jadual bayaran bagi tahun taksiran 2012 adalah dipinda seperti berikut:

Tahun Taksiran 2012

<i>Ansuran</i>	<i>Tarikh Kena Dibayar</i>	<i>Amaun Asal (RM)</i>	<i>Amaun Pindaan (RM)</i>
1	10.2.2012	1,000	1,000
2	10.3.2012	1,000	1,000
3	10.4.2012	1,000	1,000
4	10.5.2012	1,000	1,000
5	10.6.2012	1,000	1,000
6	10.7.2012	1,000	1,000
7	10.8.2012	1,000	1,000
8	10.9.2012	1,000	1,000
9	10.10.2012	1,000	3,000
10	10.11.2012	1,000	3,000
11	10.12.2012	1,000	3,000
12	10.1.2013	1,000	3,000
<i>Jumlah</i>		12,000	20,000

Syarikat perlu membuat bayaran sebanyak RM3,000 sebulan bagi baki bulan yang tinggal iaitu dari bulan Oktober 2012 hingga Januari 2013.

Contoh 6:

Syarikat menukar tarikh penutupan akaun daripada 30 Jun kepada 31 Mac. Borang CP204B menyatakan tempoh perakaunan baru 2012 dipendekkan iaitu 1.7.2011 hingga 31.3.2012 diterima pada 31.1.2012. Anggaran cukai asal bagi tahun taksiran 2012 adalah RM12,000 dan anggaran pindaan adalah RM20,000.

	Tempoh Asas	Tahun Taksiran
Asal Tutup akaun 30 Jun	1.7.2011 – 30.6.2012	2012

Pindaan Tutup akaun 31 Mac	1.7.2011 – 31.3.2012	2012
	1.4.2012 – 31.3.2013	2013

Jadual bayaran bagi tahun taksiran 2012 adalah dipinda seperti berikut:

Tahun Taksiran 2012

<i>Ansuran</i>	<i>Tarikh Kena Dibayar</i>	<i>Amaun Asal (RM)</i>	<i>Amaun Pindaan (RM)</i>
1	10.8.2011	1,000	1,000
2	10.9.2011	1,000	1,000
3	10.10.2011	1,000	1,000
4	10.11.2011	1,000	1,000
5	10.12.2011	1,000	1,000
6	10.1.2012	1,000	1,000
7	10.2.2012	1,000	4,666
8	10.3.2012	1,000	4,666
9	10.4.2012	1,000	4,668
10	10.5.2012	1,000	
11	10.6.2012	1,000	
12	10.7.2012	1,000	
<i>Jumlah</i>		12,000	20,000

Syarikat perlu membuat bayaran sebanyak RM4,666 sebulan bagi bulan Februari dan Mac 2012 dan RM4,668 bagi bulan April 2012.

4.3.2 Tempoh Perakaunan Dipanjangkan

- (a) Sekiranya pertukaran tempoh perakaunan diberitahu selepas bulan ke 6 tempoh asas dan amaun anggaran dipinda adalah lebih tinggi, maka perbezaan antara anggaran yang dipinda dan

anggaran asal akan dibahagi dengan bilangan bulan yang dipanjangkan sehingga tahun taksiran berikutnya bermula.

- (b) Sekiranya ansuran dipinda kurang dari amaun ansuran asal sebelum tempoh dipanjangkan, amaun ansuran yang perlu dibayar bagi tempoh yang dipanjangkan itu adalah amaun ansuran asal. Ansuran bulanan bagi tempoh yang dipanjangkan hendaklah tidak kurang daripada ansuran bulanan bagi tempoh asal.

Contoh 7:

Syarikat menukar tarikh penutupan akaun daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Borang CP204B menyatakan tempoh perakaunan baru 2012 dipanjangkan iaitu 1.7.2011 hingga 31.12.2012. Borang CP204B dan CP204A diterima pada 1.12.2011. Anggaran cukai asal bagi tahun taksiran 2012 adalah RM18,000 dan anggaran pindaan adalah RM34,000. Pemberitahuan dibuat dalam bulan ke 6 tempoh asas.

	Tempoh Asas	Tahun Taksiran
Asal Tutup akaun 30 Jun	1.7.2011 – 30.6.2012	2012
Pindaan Tutup akaun 31 Disember	1.7.2011 – 31.12.2012 1.1.2013 – 31.12.2013	2012 2013

Jadual bayaran bagi tahun taksiran 2012 adalah dipinda seperti berikut:

Tahun Taksiran 2012

<i>Ansuran</i>	<i>Tarikh Kena Dibayar</i>	<i>Amaun Asal (RM)</i>	<i>Amaun Pindaan (RM)</i>
1	10.8.2011	1,500	1,500
2	10.9.2011	1,500	1,500
3	10.10.2011	1,500	1,500
4	10.11.2011	1,500	1,500
5	10.12.2011	1,500	2,000
6	10.1.2012	1,500	2,000
7	10.2.2012	1,500	2,000

8	10.3.2012	1,500	2,000
9	10.4.2012	1,500	2,000
10	10.5.2012	1,500	2,000
11	10.6.2012	1,500	2,000
12	10.7.2012	1,500	2,000
13	10.8.2012		2,000
14	10.9.2012		2,000
15	10.10.2012		2,000
16	10.11.2012		2,000
17	10.12.2012		2,000
18	10.1.2013		2,000
<i>Jumlah</i>		18,000	34,000

Syarikat perlu membuat bayaran sebanyak RM2,000 sebulan mulai Disember 2011 hingga Januari 2013

Contoh 8:

Syarikat menukar tarikh penutupan akaun daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Borang CP204B menyatakan tempoh perakaunan baru 2012 dipanjangkan iaitu 1.7.2011 hingga 31.12.2012 dan CP204B diterima pada 25.1.2012. Anggaran cukai asal bagi tahun taksiran 2012 adalah RM18,000 dan pindaan anggaran cukai baru adalah RM24,000. Borang CP204B dikemukakan selain bulan ke 6 atau bulan ke 9 tempoh asas yang baru.

	Tempoh Asas	Tahun Taksiran
Asal Tutup akaun 30 Jun	1.7.2011 – 30.6.2012	2012
Pindaan Tutup akaun 31 Disember	1.7.2011 – 31.12.2012 1.1.2013 – 31.12.2013	2012 2013

Jadual bayaran bagi tahun taksiran 2012 adalah dipinda seperti berikut:

Tahun Taksiran 2012

Ansuran	Tarikh Kena Dibayar	Amaun Asal (RM)	Amaun Pindaan (RM)	Amaun CP205 (RM)
1	10.8.2011	1,500	1,500	1,500
2	10.9.2011	1,500	1,500	1,500
3	10.10.2011	1,500	1,500	1,500
4	10.11.2011	1,500	1,500	1,500
5	10.12.2011	1,500	1,500	1,500
6	10.1.2012	1,500	1,500	1,500
7	10.2.2012	1,500	1,500	1,500
8	10.3.2012	1,500	1,500	1,500
9	10.4.2012	1,500	1,500	1,500
10	10.5.2012	1,500	1,500	1,500
11	10.6.2012	1,500	1,500	1,500
12	10.7.2012	1,500	1,500	1,500
13	10.8.2012		1,000	1,500
14	10.9.2012		1,000	1,500
15	10.10.2012		1,000	1,500
16	10.11.2012		1,000	1,500
17	10.12.2012		1,000	1,500
18	10.1.2013		1,000	1,500
Jumlah		18,000	24,000	27,000

Amaun pindaan anggaran cukai syarikat berjumlah RM24,000 tidak boleh diterima dan Notis Bayaran Ansuran (CP205) perlu dikeluarkan kepada syarikat untuk ansuran berjumlah RM27,000.*

Oleh itu, syarikat perlu membuat bayaran sejumlah RM1,500 sebulan mulai bulan Ogos 2012 hingga Januari 2013.

**Amaun RM1,000 sebulan tidak boleh diterima kerana amaun ansuran bulanan bagi tempoh asas yang baru tersebut adalah kurang daripada amaun ansuran bulanan bagi tempoh asal (sebelum pertukaran tempoh perakaunan). Sila rujuk perenggan 4.3.2.*

Contoh 9:

Syarikat menukar tarikh penutupan akaun daripada 31 Disember kepada 30 Jun. Borang CP204B menyatakan tempoh perakaunan baru 2012 dipanjangkan iaitu 1.1.2011 hingga 30.6.2012. Anggaran cukai asal bagi tahun taksiran 2011 dan 2012 adalah RM12,000. Borang CP204B bersama surat rayuan untuk meminda anggaran cukai sebanyak RM20,000 diterima pada 30.11.2011 dan rayuan diluluskan.

	Tempoh Asas	Tahun Taksiran
Asal Tutup akaun 31 Disember	1.1.2011 – 31.12.2011	2011
Pindaan Tutup akaun 30 Jun	1.1.2011 – 31.12.2011 1.1.2012 – 31.12.2012 1.7.2012 – 30.06.2013	2011 2012 2013

Jadual bayaran bagi tahun taksiran 2011 adalah dipinda seperti berikut:

Tahun Taksiran 2011

<i>Ansuran</i>	<i>Tarikh Kena Dibayar</i>	<i>Amaun Asal (RM)</i>	<i>Amaun Pindaan (RM)</i>
1	10.2.2011	1,000	1,000
2	10.3.2011	1,000	1,000
3	10.4.2011	1,000	1,000
4	10.5.2011	1,000	1,000
5	10.6.2011	1,000	1,000
6	10.7.2011	1,000	1,000
7	10.8.2011	1,000	1,000
8	10.9.2011	1,000	1,000
9	10.10.2011	1,000	1,000
10	10.11.2011	1,000	1,000
11	10.12.2011	1,000	5,000
12	10.1.2012	1,000	5,000

<i>Jumlah</i>	12,000	20,000
---------------	--------	--------

Syarikat perlu membuat bayaran sebanyak RM5,000 sebulan bagi baki bulan yang tinggal iaitu bulan Disember 2011 dan Januari 2012.

Tahun Taksiran 2012

Bagi tahun taksiran 2012 tempoh asas syarikat adalah sama iaitu tahun berakhir 31.12.2012. Andaikan amaun anggaran cukai bagi tahun taksiran 2012 adalah juga RM20,000.

<i>Ansuran</i>	<i>Tarikh Kena Dibayar</i>	<i>Amaun Asal (RM)</i>	<i>Amaun Pindaan (RM)</i>
1	10.2.2012	1,666	
2	10.3.2012	1,666	
3	10.4.2012	1,666	
4	10.5.2012	1,666	
5	10.6.2012	1,666	
6	10.7.2012	1,666	
7	10.8.2012	1,666	
8	10.9.2012	1,666	
9	10.10.2012	1,666	
10	10.11.2012	1,666	
11	10.12.2012	1,666	
12	10.1.2013	1,674	
<i>Jumlah</i>		20,000	

Tahun Taksiran 2013

Bagi tahun taksiran 2013 terdapat pertindihan tempoh asas bagi tempoh 1.7.2012 hingga 31.12.2012. Andaikan amaun anggaran cukai bagi tahun taksiran 2013 adalah juga RM20,000.

<i>Ansuran</i>	<i>Tarikh Kena Dibayar</i>	<i>Amaun Asal (RM)</i>	<i>Amaun Pindaan (RM)</i>
1	10.8.2012	1,666	
2	10.9.2012	1,666	
3	10.10.2012	1,666	
4	10.11.2012	1,666	
5	10.12.2012	1,666	
6	10.1.2013	1,666	
7	10.2.2013	1,666	
8	10.3.2013	1,666	
9	10.4.2013	1,666	
10	10.5.2013	1,666	
11	10.6.2013	1,666	
12	10.7.2013	1,674	
<i>Jumlah</i>		<i>20,000</i>	

Syarikat perlu membuat 2 bayaran ansuran

bagi tempoh bertindih 1.7.2012 hingga 31.12.2012 (Tahun taksiran 2012 dan 2013).

5. Kenaikan Di Bawah Skim Ansuran

- 5.1 Sekiranya syarikat, koperasi atau badan amanah gagal membuat bayaran ansuran bulanan dalam tempoh ditetapkan, bayaran ansuran bulanan yang tidak dibayar akan dinaikkan sebanyak 10% tanpa sebarang notis dikeluarkan.
- 5.2 Sekiranya perbezaan di antara cukai sebenar dan anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai asal (jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan) melebihi 30% dari cukai kena dibayar, cukai akan dinaikkan sebanyak 10% ke atas perbezaan melebihi 30% tanpa sebarang notis dikeluarkan. Formula pengenaan denda adalah seperti berikut:

Formula pengiraan kenaikan amaun cukai yang dikenakan adalah seperti berikut:

$$\text{Kenaikan cukai} = [(CS - AC) - (30\% \times CS)] \times 10\%$$

Di mana:

CS: Cukai sebenar yang kena dibayar

AC: Anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai asal (jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan)

Contoh 10:

Syarikat menukar tarikh penutupan akaun daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Anggaran cukai asal bagi tahun taksiran 2012 adalah RM24,000 dan anggaran pindaan adalah RM40,000. Borang CP204B diterima pada 15.10.2012. Amaun cukai bagi tahun taksiran 2012 adalah RM60,000

Pindaan anggaran oleh KPHDNM dianggap dilakukan oleh syarikat dan pengenaan kenaikan di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967 dikira seperti berikut:

<i>Tahun Taksiran 2012</i>	<i>RM</i>
<i>Amaun cukai kena dibayar</i>	<i>60,000</i>
<i>Anggaran cukai dipinda</i>	<i><u>40,000</u></i>
<i>Perbezaan</i>	<i>20,000</i>

Pengiraan kenaikan cukai yang dikenakan adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= (60,000 - 40,000) - (30\% \times 60,000) \\ &= 20,000 - 18,000 \\ &= 2,000 \end{aligned}$$

Kenaikan di bawah subseksyen 107(C)(10) ACP 1967

$$\begin{aligned} &= 10\% \times 2,000 \\ &= 200 \end{aligned}$$

Contoh 11:

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 8.

Syarikat menukar tarikh penutupan akaun daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Anggaran cukai asal bagi tahun taksiran 2012 adalah RM18,000. Borang CP 204B diterima pada 25.1.2012 dan pindaan anggaran cukai adalah RM24,000. Notis Bayaran Ansuran (CP205) berjumlah RM27,000 telah dikeluarkan. Amaun cukai sebenar bagi tahun taksiran 2012 adalah sebanyak RM60,000.

Pindaan anggaran oleh KPHDNM cukai dianggap dilakukan oleh syarikat dan pengenaan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967 dikira seperti berikut:-

<i>Tahun Taksiran 2012</i>	<i>RM</i>
<i>Amaun cukai sebenar kena dibayar</i>	<i>60,000</i>
<i>Amaun pindaan anggaran cukai</i>	<i><u>27,000</u> (Amaun di CP205)</i>
<i>Perbezaan</i>	<i><u>33,000</u></i>

Pengiraan kenaikan cukai yang dikenakan adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= (60,000 - 27,000) - (30\% \times 60,000) \\ &= 33,000 - 18,000 \\ &= 15,000 \end{aligned}$$

Kenaikan di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967

$$\begin{aligned} &= 10\% \times 15,000 \\ &= 1,500 \end{aligned}$$

6. Tarikh Kuat Kuasa

Ketetapan ini berkuat kuasa untuk tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**